



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**ATENDAN SWITCHBOARD (D.4 EB.5)  
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**ATENDAN SWITCHBOARD**

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**

**JABATAN PERDANA MENTERI**

**D.4 EB.5 (\$1,225 - \$1,625 EB KHAS \$1,665 - \$1,825 SEBULAN)**

**KEKOSONGAN= EMPAT (04)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND)* atau sebanding dalam bidang Elektrikal dan Elektronik atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

2. Berkebolehan dalam mengendalikan dan menguasai *switchboard system* janakuasa dan penyelarasian.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab kepada *shift-in-charge* dalam mengendalikan dan menguasai *switchboard* stesen janakuasa dan penyelarasian;
2. Bertanggungjawab dalam mengawasi, mencatat bacaan serta mentafsir peralatan *instrument* yang berkaitan dengan *Gas Turbine Generator* di bilik kawalan dan bangunan *switchgear* ke dalam kertas *log* serta membuat pengiraan *Basic Power System*;
3. Memastikan *Gas Turbine Generator* beroperasi di dalam lingkungan yang selamat;



4. Bertanggungjawab ke atas keselamatan kakitangan dibawah jagaannya, keselamatan kerja dan alatan jentera janakuasa;
5. Bekerja secara bergilir-gilir (*shift-duty*) sama ada di Stesen Janakuasa Gadong, Stesen Janakuasa Bukit Panggal Tutong dan Stesen Janakuasa Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien (SHOASSKW) Lumut;
6. Membantu pengawas shift mengendalikan *Gas Turbine* semasa *startup* atau *shutdown* serta kecemasan; dan
7. Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan dari Pegawai atasan dari semasa ke semasa.